

# UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

## KENYATAAN TAWARAN

Tawaran tender terbuka adalah dipelawa kepada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan** dalam **kod bidang berkaitan** dan yang masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini untuk tender berikut:-

**T3/23/BM/HUSM/03** : **MEMBEKAL DAN MENGHANTAR GAS PERUBATAN DAN GAS INDUSTRI SECARA BERJADUAL BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN KE HOSPITAL UNIVERSITI SAINS MALAYSIA, KAMPUS KESIHATAN, KUBANG KERIAN, KELANTAN.**

**Kelayakan** : i) Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan – Kod Bidang **050199 ATAU; 060102 ATAU; 060204 ATAU; 060399 DAN;**  
ii) Mempunyai Lesen Pengilang (*Manufacturer Licence*) Dari Kementerian Perdagangan Dan Perindustrian Malaysia **DAN;**  
iii) Mempunyai Lesen Dengan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (*Medical Device Authority*).

**Tarikh Tutup Tender** : **7 Jun 2023 (Rabu), Jam 12.00 Tengah Hari.**

**Tarikh Dokumen Dijual** : **17 Mei 2023 hingga 30 Mei 2023.**

**Harga Dokumen** : **RM100.00 (Senaskah)** mengikut nombor & nama tender dalam bentuk *softcopy* boleh dibayar melalui akses kepada laman web e-payment (<https://epayment.usm.my/>) dengan klik kepada **perkhidmatan jualan borang tender.**

**Syarat Permohonan Dokumen Softcopy** : Dokumen Tender (*softcopy*) boleh didapati melalui permohonan di (<https://usmprism.usm.my/sedt/?td=T3/23/BM/HUSM/03>) dengan wajib melengkapkan maklumat syarikat dan mengemukakan secara atas talian dokumen seperti berikut:

- i) Resit / Bukti Pembayaran melalui sistem e-payment yang telah dibuat. **(Sebarang tuntutan semula bagi pembelian dokumen tidak akan dikembalikan).**
- ii) Sijil Pendaftaran Kod Bidang **Kementerian Kewangan**, Lesen Pengilang Dari **Kementerian Perdagangan Dan Perindustrian Malaysia** Dan Lesen Dengan **Pihak Berkuasa Peranti Perubatan Malaysia.**

**Syarat Penghantaran Dokumen** : i) Penghantaran Dokumen Tawaran Tender dalam bentuk **hardcopy & softcopy (pendrive)** yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditulis di sebelah atas kiri sampul Nombor, Nama Tender dan dimasukkan sendiri ke dalam peti tawaran di **Unit Perolehan & Aset , Jabatan Bendahari, Kompleks Pentadbiran Kampus Kesihatan, Universiti Sains Malaysia, 16150 Kubang Kerian, Kelantan.**

- ii) Petender dibenarkan untuk menghantar dokumen tawaran tender melalui pos berdaftar/kurier. Petender hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba dan dimasukkan ke dalam peti tender pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup tender selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

Petender yang tidak mendapat sebarang maklum balas atau jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup tawaran adalah dianggap tidak berjaya.

**\* Pihak Universiti berhak menerima kesemua atau sebahagian dari tawaran tender tersebut dan tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau mana-mana tender.**